

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @  
HASHIM**

**TARIKH : 18 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengubah suai pelantar minyak yang dinyahtarakan oleh Petronas kepada Pengkalan Hadapan Laut untuk kegunaan agensi seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi tujuan menjaga keselamatan Pantai Timur Malaysia seperti mana yang pernah dibuat terhadap Pengkalan Laut Tun Sharifah Rodziah di Timur Sabah.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Sehingga kini Kerajaan tiada perancangan untuk mengubahsuai atau menggunakan pelantar minyak yang dinyahtarakan oleh Petronas dengan mengambil kira risiko keselamatan dan juga kekangan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sedia ada bagi tujuan menjaga keselamatan dan kerja-kerja penyelenggaraan di pelantar minyak tersebut.

Selain itu, kos senggaraan pelantar juga adalah tinggi dan akan membebankan kewangan Agensi. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui APMM, Jabatan Polis Marin dan agensi-agensi penguatkuasaan di laut yang lain sentiasa menjalankan tugas membuat rondaan dan kawalan keselamatan perairan di Pantai Timur Malaysia.